



PENGGERAK PEMBANGUNAN UMMAH

بری BERITA PKINK

فَرِیدانٌ كَمَا جَوَانٌ اقْنَصَادِ نَزَّيْ كَلَبَنٌ

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

Bil. 4/2008 • Julai-Ogos 2008

www.pkink.gov.my

edaran percuma

MB RASMI BANGUNAN IBU PEJABAT DAN MELANCARKAN PELAN STRATEGIK 5 TAHUN SYARIKAT LADANG SUNGAI TERAH SDN BHD

Gua Musang, 29 Ogos 2008 Sejak dengan operasi yang semakin berkembang, Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn. Bhd., milik penuh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan terus ke hadapan dengan siapnya bangunan ibu pejabat yang baru pada akhir tahun 2006.

Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat telah menyempurnakan majlis perasmian Bangunan ibu pejabat tersebut pada 29 Ogos yang lalu serentak dengan pelancaran Pelan Strategik 5 Tahun SLST dan Kumpulannya. Bangunan ibu pejabat tersebut yang memepatkan pejabat operasi Syarikat Ladang Sungai Terah dan Pejabat Bahagian Ladang Kelasa mula dibina pada tahun 2005 dan siap sepenuhnya pada akhir tahun 2006.

Dari pejabat asal yang bermula di Tingkat 7 Bangunan PKINK, Syarikat Ladang Sungai Terah terus mengalami perubahan apabila mulai tahun 1998, ibu pejabatnya dipindahkan sepenuhnya ke Ladang Sungai Terah. Tuan Guru Menteri Besar dalam ucapan perasmian tersebut telah mengucapkan tahniah di atas kejayaan yang ditunjukkan oleh Syarikat Ladang Sungai Terah sehingga kini.

Bersambung di muka 3



Dari Meja Ketua Editor

Alhamdulillah dengan limpahan berkat dan kurniaan Illahi Rabbi, kita dapat bersua kembali dalam Berita PKINK Bilangan 4/2008.

“Pelan yang dirangka, InsyAllah akan berjalan dengan lancar dan mencapai matlamat yang ditetapkan bila kita berusaha bersungguh-sungguh disertakan dengan pergantungan kepada Allah. Dengan syarat usaha yang dilakukan menepati kehendak Islam yang berlandaskan Al Quran dan Sunnah” petikan dari ucapan perasmian oleh YAB Tuan Guru Dato’ Menteri Besar ketika merasmikan Bangunan Ibupejabat dan Pelancaran Pelan Strategik 5 Tahun Syarikat Ladang Sungai Terah.

Berdasarkan kepada ucapan tersebut haruslah difahami bahawa Islam mementingkan perancangan dan usaha bagi mencapai setiap apa yang dicita-citakan. Dengan usaha yang bersungguh disertakan dengan tawakal kepada Allah S.W.T InsyAllah kita akan mencapai setiap apa yang dirancangkan dengan jayanya. Walaubagaimanapun kejayaan yang dicitakan itu mungkin akan dicapai semudah yang dirancang tetapi Allah S.W.T juga menetapkan bahawa Qada dan Qadar adalah penentu segalanya, kita sebagai insan perlu redha dengan setiap ketentuanNya.

Sebagai manusia biasa kita tidak boleh lari dari sikap mempersoalkan setiap Qada dan Qadar seperti kenapa orang dapat sedangkan kita tidak dapat apa yang kita mahukan kerana anggapan sayalah yang terbaik. Percayalah setiap yang terjadi ada hikmatnya hanya Dia yang lebih mengetahuinya. Tanggungjawab kita tetap perlu dilaksanakan sebaik mungkin.

Sebagai kakitangan awam tugas utama kita adalah merupakan pelaksana kepada agenda pembangunan Kerajaan. Rungutan dari orangramai sering diterima ke atas setiap perkhidmatan yang kita berikan. Dalam menangani setiap rungutan kita perlulah bersyukur dengan setiap rungutan yang diterima dan anggaplah sebagai satu hadiah atas perkhidmatan yang telah kita berikan, kerana dengan rungutan yang diterima ini membolehkan kita untuk bermuhasabah diri dengan berusaha untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik lagi kepada orangramai selaku pelanggan kita.

** PENGGERAK PEMBANGUNAN UMMAH **

SIDANG EDITOR

PENAUNG

Haji Wan Yahya Wan Saleh

PENASIHAT

Haji Wan Adnan Wan Ab. Kadir

KETUA EDITOR

En. Ahmad Nazri bin Ismail

EDITOR

En. Mohd Rosli Mohd Zain

PENOLONG EDITOR

Tengku Petra Tengku Wook

PENGARANG

Pn. Sofia Aizan Che Soh

Pn. Zakiah Mohamed

Pn. Hawa M. Saleh

JURUFOTO

Tengku Petra Tengku Wook



PERCETAKAN

ATH MARKETING SDN. BHD.

219712 K

D13, Jalan Bayam,

15200 Kota Bharu, Kelantan.

Tel: 09-7440955 Fax: 09-747 2415

email: athmark@streamyx.com



Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK,

Jalan Tengku Maharanı,

Peti Surat 142,

15710 Kota Bharu,

Kelantan Darulhaim

tel: 09-7414141 fax: 09-7414140/7414069

www.pkink.gov.my

"Dari pejabat asal di bangunan PKINK sehingga ke bangunan Ibupejabat baru yang akan dirasmikan, Syarikat Ladang Sungai Terah telah mengalami perkembangan yang amat pesat dan baik. Kejayaan ini adalah berkat usaha dan doa semua pihak dalam melaksanakan peranan dan amanah yang dipertanggungjawabkan", katanya.

Tambah beliau lagi, adalah menjadi harapan Kerajaan Negeri melalui Dasar Membangun Bersama Islam untuk melihat Syarikat Ladang Sungai Terah lahir sebagai sebuah syarikat peneraju dalam sektor perladangan kelapa sawit dan menjadi model sebuah syarikat berlandaskan Islam di Malaysia.

"Saya mengucapkan tahniah dan syukur kepada Syarikat Ladang Sungai Terah kerana telah berjaya memainkan peranan utama dalam mengembangkan sektor pertanian dan perladangan di negeri Kelantan. Ini adalah bertepatan dengan dasar pembangunan negeri Kelantan yang memberikan penekanan dan tumpuan kepada pembangunan sektor pertanian", jelas beliau lagi.

Tuan Guru juga turut merakamkan ucapan tahniah dan syukur atas pembentukan Pelan Strategik Lima Tahun SLST yang akan dilancarkan.

"Saya mengucapkan tahniah dan syukur kerana syarikat telah berjaya membentuk Pelan Strategik yang akan menjadi panduan dan kayu pengukur kepada usaha dan tindakan yang akan dijalankan. Pelan yang dirangka, insha Allah akan berjalan dengan usaha bersungguh-sungguh dan pergantungan kepada Allah. Dengan syarat usaha yang dilakukan menepati kehendak Islam yang berlandaskan Al-Quran dan Sunnah", katanya.

Tuan Guru juga menyeru agar Syarikat Ladang Sungai Terah memainkan peranan dan meningkatkan usaha dalam menjayakan program Ladang Rakyat yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri bagi membela golongan miskin. Katanya, Kerajaan Negeri menaruh keyakinan dengan kemampuan SLST untuk melaksanakan program ini bersama-sama dengan Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat terutama dalam membantu meningkatkan taraf ekonomi rakyat Kelantan.

Selain itu, Tuan Guru Menteri Besar juga mengharapkan agar SLST meningkatkan peranan tanggungjawab sosial kepada rakyat melalui program-program bantuan kebajikan khususnya untuk rakyat miskin di Jahanan Gua Musang.

Pada majlis tersebut juga, Tuan Guru Menteri Besar telah menamakan taman perumahan Syarikat Ladang Sungai Terah dengan nama 'Taman Tuan Guru' mengambil sempena daripada idea dan cadangan Tuan Guru sendiri kepada SLST supaya melaksanakan usaha menyediakan kediaman kepada warga pekerja melalui anugerah hak milik tanah kediaman kepada kakitangan syarikat yang berkelayakan.

Majlis tersebut berakhir dengan solat zohor berjemaah di Masjid Sungai Terah bersama Tuan Guru Menteri Besar Kelantan dan lawatan Tuan Guru ke rumah kakitangan pertama yang mendapat anugerah lot tanah daripada SLST.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Galas, YB Chek Hashim b. Sulaima, Pengurus Lembaga Pengarah SLST, YB Dato' Haji Omar bin Mohamad, Ketua Eksekutif PKINK, Haji Wan Yahya Wan Salleh, Pengurus Besar SLST, Zazali Japar, Ahli-Ahli Lembaga Pengarah SLST, Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta penduduk sekitar.

Program CSR Kumpulan PKINK Sumbang Komputer Kepada Sekolah-sekolah Agama Di Kelantan



29 Julai 2008 PKINK telah menyumbangkan komputer kepada tiga buah sekolah agama di Kelantan. Majlis penyampaian sumbangan tersebut telah diadakan di Tingkat 10, Bangunan PKINK. Sumbangan itu telah disempurnakan oleh Ketua Eksekutif PKINK, Tuan Haji Wan Yahya Wan Salleh.

Antara sekolah-sekolah yang menerima sumbangan komputer tersebut ialah-ialah:

1. Sekolah Menengah Ma'ahad Muhammadi (P) Jalan Merbau, Kota Bharu.
2. Sekolah Menengah Ugama (A) Shamsul Maerif Pulai Chondong
3. Sekolah Menengah Ugama Tarbiyah Parichor, Pengkalan Chepa.

KURSUS KEPIMPINAN

CEMERLANG

Melalui Kekuatan Dalaman

Kursus untuk anggota Kumpulan Pengurusan dan Sokongan 1 Kumpulan PKINK ini telah diadakan di Perdana Resort, Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu, pada 30 - 31 Julai 2008. Kursus ini berlangsung selama 2 hari yang mana bertujuan untuk meningkatkan ketahanan fizikal dan mental serta berdaya saing dan berdaya tahan bagi menghadapi cabaran dalam tugas. Kursus ini dikendalikan oleh En. Arifin Hassan, dari PDN Resources (M) Sdn Bhd



PRODUK HALAL KELANTAN TEMBUSI PASARAN ENGLAND

KOTA BHARU, 28 Ogos - Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) membantu kerajaan negeri bagi merealisasikan Kelantan sebagai jelapang makanan negara. Sehingga kini PKINK membelanjakan sejumlah RM13 juta bagi menjayakan program pembangunan dan pengeluaran produk halal.

Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Haji Wan Yahya Wan Salleh berkata, pihaknya memberi peluang kepada usahawan di negeri ini memajukan perniagaan berteras hub makanan halal.

"Usaha ini diharap akan mencapai sijil piawaian dan dianugerahkan Sijil Akreditasi Halal," katanya di majlis menandatangani perjanjian antara PKINK, anchor dan vendor bagi Projek Pengeluaran Makanan Halal di Bilik Operasi PKINK, 27 Ogos lalu.

Beliau juga berkata, PKINK menjadikan Pengkalan Chepa dan Mukim Apam, Pasir Mas sebagai pusat pengeluaran makanan halal. Pengkalan Chepa dijadikan pusat pengeluaran dan Mukim Apam sebagai tempat pengumpulan dan penyediaan pengeluaran halal.

Wan Yahya berkata, kilang PKINK di Pengkalan Chepa dijadikan sebagai perintis dan diharap dalam tempoh tiga tahun pengusaha dapat membangunkan kilang mereka sendiri. Katanya, jumlah pengeluaran produk yang dikeluarkan di kawasan perindustrian Pengkalan Chepa sebanyak RM12 juta setahun. Tumpuannya bagi pemprosesan buah-buahan, membuat roti dan kek. Manakala produk berasaskan ikan menghasil keropok, sardin satay, meat ball, beef nuggets dan burger akan difokus di pelabuhan perikanan Tok Bali, Pasir Puteh.

Bercakap kepada pemberita selepas itu beliau berkata, pasaran produk yang dikeluarkan turut mendapat tempat di pasar raya di seluruh Malaysia sebelum dieskport ke luar negara. Dijangka pada awal Oktober ini perjanjian pembelian oleh pasar raya dan kedai runcit dari United Kingdom diadakan.


"PKINK akan memilih sembilan usahawan terbabit dengan projek itu. Usahawan yang diambil dipastikan mereka sudah menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan," katanya.

Beliau juga berkata, pengeluaran produk makanan halal di Pengkalan Chepa berasaskan konsep anchor dan vendor. Vendor akan terbabit dengan pengeluaran makanan, manakala syarikat anchor pula akan terbabit dengan kerja-kerja pembungkusan, pasaran dan promosi.

Menurutnya menjadi matlamat kerajaan negeri menjadikan Kelantan sebagai pusat pengeluaran makanan halal untuk memenuhi pasaran tempatan dan umat Islam wilayah selatan Thailand.

Pada majlis itu Pengarah Muslim Best Marketing (M) Sdn Bhd, Sheikh Ahmad Dusuki Sheik Mohamad dan beberapa syarikat menandatangani perjanjian dengan PKINK. Syarikat lain iaitu Mohd Sabri Bakery (M) Confectionary Sdn Bhd, Al Baiti Food Industries (M) Sdn Bhd, Zairah Industries Sdn Bhd, Ikatan Ideal Sdn Bhd dan HR Food Industries Sdn Bhd.

MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN DI BAWAH PROGRAM CSR KUMPULAN PKB



Permodalan Kelantan Berhad (PKB) di dalam melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat telah memutuskan untuk memberi sumbangan kepada sektor pendidikan secara berkesan.

Bagi tujuan ini, dua institusi pengajian tinggi tempatan telah dipilih bagi menerima sumbangan iaitu Kolej Teknologi Darulnaim (KTD) dan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Masing-masing menerima RM300,000 (KTD) dan RM200,000 (KIAS).

Majlis penyampaian telah diadakan pada 5 Syaaban 1429H bersamaan 7 Ogos 2008 (Khamis) jam 2.30 petang bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Menteri Besar Kelantan, Kompleks Kota Darulnaim. Majlis penyampaian tersebut yang dihadiri kira-kira 25 orang jemputan telah disempurnakan oleh YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Mat, Menteri Besar Kelantan.



Penglibatan PKINK Dalam Pameran MAHA 2008



Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro-Pelancongan Malaysia (MAHA) telah berlangsung pada 11 hingga 23 Ogos 2008 di Taman Pameran Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor. Pameran dwi tahunan ini menjadi medium pertemuan individu dan organisasi yang berkecimpung dalam bidang pertanian dan industri berusaskan pertanian untuk memperkenalkan hasil, ciptaan dan teknologi terkini masing-masing.

Tema MAHA 2008 ialah 'Pertanian adalah Perniagaan' bertepatan dengan hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai Negara pertanian yang berketerampilan dan dikenali di peringkat tempatan dan antarabangsa. Pameran ini dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 12 Ogos 2008.

PKINK dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan (melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan) juga tidak ketinggalan dalam menyahut hasrat kerajaan untuk memajukan sektor pertanian di pameran MAHA. Di antara pengusaha-pengusaha di bawah bimbingan PKINK yang turut serta di pameran tersebut ialah:

1. Murni Marketing Sdn Bhd - Produk Roselle
2. I Medikel Pharmaceutical Sdn Bhd - barang kosmetik
3. Dua Badak Industries (M) Sdn Bhd - Minuman kopi
4. Golden Green Marketing - barang kosmetik
5. Sabit Banana Industries Sdn Bhd - Herba
6. Minyak Mestika Marketing Sdn Bhd - Herba

Pengusaha-pengusaha ini ditempatkan di Kelantan Pavillion yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan di tapak MAHA tersebut dan ianya menjadikan bangunan kekal untuk acara MAHA yang akan diadakan di tahun-tahun hadapan. Kelantan Pavillion turut dikunjungi oleh DYMM Raja Perempuan Kelantan pada 17 Ogos 2008, YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Dato Mustapha Mohamed Menteri Pertanian & Asas Tanah, YB Hj. Che Abdullah Mat Nawi, Pengurus Jawatankuasa Pertanian, Industri Desa dan Bioteknologi Negeri Kelantan, Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan beberapa orang kenamaan yang lain.

Kelantan Pavillion mendapat sambutan yang menggalakkan berbanding dengan penyertaan dua tahun yang lepas. Pameran ini ditutup dengan rasminya oleh Dato' Mustapha Mohamed, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tanah pada 23 Ogos 2008.

**Majlis Perasmian Bangunan Ibu Pejabat
Dan Pelancaran Pelan Strategik
5 Tahun SLSTSB**



YAB Tuan Guru menandatangani plak perasmian bangunan Ibu Pejabat SLSTSB



Antara VIP yang hadir



Ketibaan YAB Tuan Guru disambut meriah



YAB Tuan Guru menyampaikan sumbangan kepada golongan miskin

**Gotong Royong Perdana
5S PKINK**



Ketua Eksekutif juga tidak ketinggalan menyertai gotong-royong perdana 5S anjuran PKINK



Apa yang bertimbun tu?



Pilih apa tu?



Ringan sama dijinjing, berat sama dipikul

Sukan Gemaputera Kali Ke XII 2008



Pasukan bola jaring PKINK layak ke pusingan suku akhir



Kontinen PKINK di Majlis Perasmian



Pasukan futsal PKINK mara ke pusingan suku akhir



Pasukan kerom PKINK kalah di pusingan suku akhir

Penglibatan PKINK Dalam Pameran Maha 2008



Pameran ternakan salah satu menjadi tumpuan pengunjung



Taman Pameran Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS)



Antara produk di Kelantan Pavillion



MAJLIS TAKLIMAT & PELANCARAN AMALAN 5S

28 Julai 2008. Satu majlis taklimat Amalan Persekutuan Berkualiti (5S) peringkat PKINK telah diadakan di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Mohd Bin Omar, Pegawai Perunding dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Sesi taklimat tersebut merupakan pengenalan kepada amalan Persekutuan Berkualiti 5S iaitu sisih, susun, sapu, seragam dan sentiasa amal. Anggota telah diberi penekanan kepada beberapa perkara penting, iaitu:

1. Memahami kepentingan dan konsep 5S ke arah peningkatan produktiviti dan kualiti
2. Mengetahui faedah amalan 5S
3. Memahami kaedah pelaksanaan amalan 5S secara berkesan.

Pada majlis tersebut juga, Ketua Eksekutif PKINK telah melancarkan secara rasmi Program Amalan 5S di PKINK



Anggota PKINK mendengar taklimat oleh MPC



Ketua Eksekutif menyampaikan poster 5S kepada setiap Ketua Zon, tanda bermulanya perlaksanaan 5S peringkat PKINK

Perasmian oleh Ketua Eksekutif PKINK




Lawatan Muhibah KEKWA ke Negeri Sabah.



Kelab Kebajikan Wanita KSK PKINK (KEKWA) telah mengadakan lawatan ke Sabah pada 1 - 5 Ogos 2008. Lawatan yang disertai 20 ahli KEKWA tersebut berlepas dari Kota Bharu dengan Penerbangan Air Asia pada 1 Ogos 2008.

Antara tempat yang dikunjungi ialah Perbadanan Pemhangunan Ekonomi Sabah (SEDCO), PUSPANITA Sabah dan kawasan-kawasan peranginan yang menarik di Sabah. Lawatan tersebut adalah bertujuan untuk meninjau program serta aktiviti yang telah, sedang dan akan dijalankan untuk kebajikan ahli-ahli/ anggota wanita agar dapat dipelajari dan dilaksanakan oleh KEKWA.



Program Gotong Royong 5S Peringkat Perbadanan

Sabtu - 9 Ogos 2008 Dalam usaha melaksanakan Program 5S peringkat PKINK, satu program gotong royong besar-besaran telah diadakan melibatkan semua anggota PKINK. Ia melibatkan aktiviti sisih atau membuang dan mengenalpasti barang-barang yang tidak diperlukan di semua Bahagian/Zon yang terlibat.

Program yang melibatkan semua anggota PKINK ini bermula jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang.





Seperti tahun-tahun lepas, PKINK tidak ketinggalan menyertai acara perbarisan sempena Perayaan Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri Kelantan kali yang ke 51. Perbarisan ini masih mengekalkan laluan seperti sebelumnya, iaitu bermula di Stadium Sultan Muhammad ke IV melalui Jalan Kebun Sultan, Jalan Seri Cemerlang, Jalan Hospital, Jalan Bayam dan kembali ke Stadium.

Walaupun tidak mendapat sebarang tempat, PKINK berpuas hati dengan komitmen anggota yang menjalani latihan sebelum itu walaupun sibuk dengan tugas pejabat dan juga persediaan sukan Gemaputera ke XII di Seremban.

Sambutan Hari Kemerdekaan



Rombongan Pelabur Taiwan Melawat PKINK



Kota Bharu - 13 Ogos 2008, seramai 10 pelabur dari Taiwan yang terdiri dari pengusaha bidang pertanian telah mengunjungi PKINK. Pertemuan selama hampir 2 jam itu, melibatkan Kumpulan PKINK dari Syarikat Kompleks Perkayuan Kelantan Bhd, Syarikat Kumpulan Pertanian Kelantan Bhd dan PKINK sendiri.

Selain mencari ruang perniagaan di Kelantan, rombongan juga bersedia menyumbangkan kapitalnya untuk membangunkan industri pertanian di Kelantan melalui Kumpulan PKINK.



SELAMAT DATANG REJAB

oleh Tuan Nazir Tuan Man pada 6 Julai 2008



Gandingan 3 bulan (Rejab, Sya'aban dan Ramadhan) merupakan satu tempoh yang amat berkat. Setiap satu mempunyai keistimewaan tersendiri. Kemuliaan Rejab kerana srak Mikrajnya, Sya'aban dengan malam Nisfu Sya'aban dan Ramadhan dimuliakan dengan Lalilatul Qadar.

Sepanjang Rejab, Allah melipatgandakan pahala dan keampunan serta mengangkat darjat di dalam syurga. Banyak hadis yang disabdarkan oleh Nabi Muhammad S.A.W. berhubung fadhilat berpuasa dalam bulan Rejab. Di antaranya: Puasa sehari dalam bulan Rejab diberi ganjaran Syurga Firdaus (tertinggi). Puasa 3 hari menjadi benteng menghalang api neraka. Puasa 4 hari diaflatkan dari bala' dan penyakit. Puasa 5 hari diamankan dari azab kubur. Puasa 6 hari keluar dari kubur dengan muka yang berbahaya. Puasa 7 hari ditutup 7 pintu neraka. Puasa 8 hari dibuka 8 pintu syurga. Begitulah seterusnya lebih banyak ganjaran diberi jika ditambah bilangan hari puasa dalam bulan Rejab. Selain berpuasa, umat Islam digalakan beristighfar. Bacalah doa istighfar Rejab yang banyak dinukilkan di dalam kitab-kitab. Allah melimpahkan keampunan dan rahmat yang tidak diberi pada bulan-bulan lain.

KISAH SEORANG RAJA AFRIKA DAN SAHABATNYA

Oleh Sabariah brahim pada 14 September 2008



Dipaparkan kisah seorang Raja di sebuah negeri di Benua Afrika dengan seorang sahabatnya untuk iktibar semua. Setiap apa yang berlaku ke atas makhlukNya ada hikmat dan kebaikan semua pihak. Kita sebagai makhluk harus bersyukur dan redha atas apa yang berlaku.

KITA SEBAIK BAIK KEJADIAN

Oleh Che Yahya Che Daud pada 17 Ogos 2008



Kita sebagai manusia adalah merupakan makhluk yang tercantik sekali bila dibandingkan dengan makhluk lain, seperti yang dinyatakan oleh Allah s.w.t. Sesungguhnya kami menciptakan manusia dalam bentuk sebaik-baiknya. (surah AtTin: 4)

Manusia dicipta dua komponan.

1. Komponan Jasmani: Memerlukan kepada makan, minum, pakaian, tempat tinggal dan lain-lain semuanya dalam bentuk kebendaan dan keduniaan.
2. Komponan Rohani: Pada umumnya komponan ini berhajat kepada keperluan moral dan kehormatan seperti berakhlik mulia, menunaikan ibadat, bersedekah, meninggalkan larangan Allah dan lain-lain, yang lebih berbentuk kerohanian dan keakhiratan.

Kesimpulan.

Menurut Islam kedua-dua komponan ini hendaklah dilakukan dengan penuh keseimbangan dan kesaksamaan. Kalau kita lebihkan komponan jasmani maka akan ketinggalan komponan rohani dan kalau kita utamakan komponan rohani sahaja kita akan ketinggalan pula bahagian jasmani dan hal-hal keduniaan termasuklah mengenai urusan keluarga, masyarakat dan negara.



SEPULUH MALAM TERAKHIR RAMADHAN

Oleh Jasni Bin Yusoff pada 21 Ramadhan 1429H / 21 September 2008

Di dalam sahih Bukhari dan Sahih Muslim dari Aisyah r.a.: Maksudnya: "Adalah Nabi S.A.W apabila masuknya sepuluh malam terakhir bulan Ramadhan. Baginda menghidupkan waktu malam dengan beribadat, membangunkan ahli keluarganya (untuk turut beribadat) dan menguatkan ikatan kainnya".

Riwayat Bukhari (1920) Muslim
(1174)

Maksud kuatkan ikatan kain ialah bersedia dengan sepenuh kesungguhan. Atau lanya membawa maksud mengasingkan diri dari isteri. Manakala maksud menghidupkan malam hari ialah menjadi sebahagian besar malam dengan beraneka bentuk ibadat seperti solat, tilawah Quran, berl'tiqaf dan zikir.



AMALAN BERTERUSAN SEPANJANG HIDUP

Oleh Mohd Asri Ismail pada 28 September 2008

Untuk terus melakukan perkara yang baik sepanjang hidup, kita mestilah:-

1. Perlu berusaha untuk terus mengekalkan keazaman dan mempertingkatkan amal ibadat semata-mata untuk mendapat keredhaan Allah s.w.t
2. Perlu menghayati konsep ihsan dalam melakukan sesuatu ibadah seperti sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud Engkau beribadah kepada Allah seolah-olah melihat-Nya. Jika engkau tidak mampu melihatNya, maka ketahuilah bahawa Dia selalu melihatmu. (Riwayat Muslim).
3. Perlu menjauhi dosa-dosa besar manakala jangan pula melazimi melakukan dosa-dosa kecil.
4. Berdoa & bertawakal agar sentiasa diberi taufiq & hidayah Allah s.w.t disepanjang kehidupan dunia & akhirat.
5. Selalu memohon ampun atau segala kesalahan dan kesilapan dalam keadaan sedar atau tidak. Kesimpulannya, kita mesti mengekalkan perkara baik yang telah kita lakukan sepanjang bulan Ramadhan seperti solat berjemaah di masjid, membaca al-Quran, berqiamullai, banyakkan bersedekah & sebagainya. Ini adalah perkara asas yang dituntut dalam Islam. Maka kita tidak perlu membezakan antara Ramadhan dengan bulan lain, Cuma terletak ditangan masing-masing untuk "tepuk dada & tanya iman".



SUKAN GEMAPUTERA KALI KE XII 2008

Sukan Gemaputera kali ke XII 2008 telah diadakan di Seremban, Negeri Sembilan bermula 18 - 23 Ogos 2008. PKINK telah menyertai acara sukan dwi tahunan ini dengan menghantar 90 orang peserta dalam 6 acara yang dipertandingkan.

Acara yang disertai PKINK ialah acara Boling, Badminton, Golf, Futsal, Kerom dan Bola jaring. PKINK cemerlang dalam acara Badminton dengan mendapat pingat Perak setelah kalah kepada Pasukan PKNS dalam perlawanan akhir. Lain-lain acara, PKINK gagal membawa pulang sebarang pingat, melainkan boling dalam beberapa acara individu.

